

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. NURUL IZZAH ANWAR (PERMATANG PAUH)**

**TARIKH : 9 JULAI 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 106**

Minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah langkah yang bakal diambil oleh Kerajaan untuk memastikan setiap perjanjian perdagangan dibahaskan di dalam Dewan Rakyat sebelum kelulusan bukan sekadar menerusi persetujuan kabinet.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

1. Berdasarkan amalan semasa, keputusan penyertaan Malaysia dalam setiap perjanjian antarabangsa, *international treaty* (dengan izin), termasuk perjanjian perdagangan bebas atau *free trade agreement (FTA)* adalah di bawah bidang kuasa Jemaah Menteri.
2. Walau bagaimanapun, Jemaah Menteri boleh membuat keputusan untuk membawa dan membahaskan cadangan penyertaan Malaysia dalam perjanjian antarabangsa di Dewan Rakyat sekiranya Jemaah Menteri membuat keputusan sedemikian.

Tuan Yang Dipertua,

3. Secara prinsipnya, apa-apa perjanjian perdagangan bebas yang ditandatangani Malaysia perlu bebas dan adil, memberikan dengan izin,

## SOALAN NO. 106

*mutually beneficial outcomes* serta selaras dengan hasrat Kerajaan untuk melaksanakan dasar-dasar pembangunan negara demi memastikan manfaat ekonomi negara dapat diagihkan kepada golongan sasaran dalam mencapai dan menjamin kesejahteraan sosio ekonomi negara.

Sebagai sebuah negara perdagangan, penyertaan Malaysia dalam FTA secara dua hala atau di peringkat serantau adalah penting sebagai salah satu platform untuk meningkatkan daya saing syarikat-syarikat tempatan melalui layanan keutamaan atau dengan izin, *preferential treatment*, peningkatan akses pasaran dan fasilitasi perdagangan yang diperolehi melalui FTA tersebut. Kerajaan tidak akan sewenang-wenangnya dan terburu-buru menyertai sebarang FTA yang akan menjejaskan keupayaan Kerajaan untuk melaksanakan dasar-dasar pembangunan negara.

4. Selaku Kementerian yang bertanggungjawab menyelaraskan penyertaan Malaysia dalam perjanjian perdagangan antarabangsa, MITI memastikan bahawa pandangan dan cadangan dari semua pemegang taruh meliputi penggubal dasar, sektor swasta, badan-badan bukan Kerajaan, dan pihak berkepentingan diambilkira dan diteliti sebaiknya melalui proses konsultasi dan perbincangan secara *public forum* dan sesi khusus.

Sebagai salah satu langkah terbaru, MITI telah menubuhkan *Trade and Industry Advisory Council (TIAC)* pada 27 Jun 2019 yang dianggotai oleh wakil-wakil dari pelbagai organisasi yang mewakili pelbagai kepakaran, perspektif dan pengalaman untuk membantu Kerajaan membincang dan menentukan dasar-dasar baharu termasuk dalam isu-isu berkaitan Perjanjian Perdagangan Bebas. Proses-proses ini dilaksanakan bagi memastikan kepentingan dan hak-hak negara dilindungi, manakala peluang-peluang mengembangkan ekonomi, perdagangan dan pelaburan negara di peringkat global dan serantau diterokai sepenuhnya.

Sekian, terima kasih.